

## Huraian drastik perlu dalam tangani perubahan demografi S'pura

PERUBAHAN demografi penduduk harus ditangani secara serius sama seperti cabaran global yang lain, seperti perubahan iklim, dan ahli akademik mesti lebih berani dalam menjalin hubungan dan membentangkan penyelesaian, kata ahli perniagaan, Encik Ho Kwon Ping.

“Jika meningkatkan jumlah kadar kesuburan (TFR) kita adalah satu kemestian dan sama dengan skala kepentingan strategik, ia juga perlu sama seperti pertahanan negara.”

“Maka perlu ada satu anjakan paradigma mental bukan sahaja oleh pemerintah tetapi juga dalam kalangan industri, isi rumah untuk melakukan sesuatu yang lebih drastik,” katanya.

Encik Ho yang merupakan Felo SR Nathan di Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew dan pengerusi eksekutif Banyan Tree Holdings dan Laguna Resorts memberitahu demikian pada persidangan mengenai ehwal penduduk di Universiti Nasional Singapura (NUS).

Menurutnya, penambahan cuti paterniti kepada empat minggu baru-baru ini mungkin tidak terlalu berkesan untuk membuat sebarang perbezaan nyata dalam keputusan pasangan untuk mempunyai anak.

Beliau menyatakan bahawa kadar kesuburan negara-negara Nordik meningkat hanya apabila mereka meningkatkan cuti paterniti – sehingga 18 bulan – yang tidak boleh diganti dengan cuti bersalin.

“Sebenarnya, jika kita lihat,

“Jika meningkatkan jumlah kadar kesuburan (TFR) kita adalah satu kemestian dan sama dengan skala kepentingan strategik, ia juga perlu sama seperti pertahanan negara.

Maka perlu ada satu anjakan paradigma mental bukan sahaja oleh pemerintah tetapi juga dalam kalangan industri, isi rumah untuk melakukan sesuatu yang lebih drastik.”

– Encik Ho Kwon Ping, Felo S R Nathan di Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew.


ketidakseimbangan besar dalam penjagaan bayi pada tahun-tahun awal dalam keluarga menyebabkan mungkin ramai ibu benar-benar tidak mahu melahirkan anak... dan dengan pihak lelaki pula dipaksa melalui tekanan dalam kalangan masyarakat... ia sebenarnya boleh mendatangkan kesan yang nyata,” katanya.

Encik Ho adalah salah seorang penceramah utama pada persidangan dua hari anjuran Pusat Penyelidikan dan Penduduk Fakulti Sastera dan Sains Sosial NUS untuk Ke-

uarga dan Populasi dan Persatuan Penduduk Singapura.

Menteri di Pejabat Perdana Menteri, yang juga Menteri Kedua Kewangan merangkap Pembangunan Negara, Cik Indraneel Rajah dalam persidangan yang sama dalam ucapannya berkata kadar kesuburan negara tahun lalu mencecah paras paling rendah pada 1.04, iaitu di bawah kadar 1.05 yang diumumkan pada Mac.

Encik Ho turut mencadangkan bahawa komuniti sementara dalam



**BERUCAP:** Encik Ho Kwon Ping berucap dalam persidangan mengenai ehwal penduduk di Universiti Nasional Singapura (NUS). Beliau merupakan Felo S R Nathan di Sekolah Dasar Awam NUS Lee Kuan Yew, serta pengasas dan pengerusi eksekutif (CEO) Banyan Tree Holdings dan Laguna Resorts and Hotels. – Foto ZAObAO

kalangan pekerja asing yang besar, boleh menjadi sumber Singapura untuk mendapatkan pemastautin tetap atau kerakyatan pada masa depan bukan hanya memilih mereka yang berprestasi tinggi dan yang telah berada di Singapura selama bertahun-tahun.

“Mereka mungkin kekurangan dari segi kekayaan dan pendidikan, tetapi mereka pastinya mempunyai nilai teras yang diamalkan menerusi sejarah pendatang yang gigih.

“Anak-anak mereka mungkin lebih setia dan lebih berjaya daripada anak-anak warga asing yang menda-

pat kerakyatan Singapura,” ujar Encik Ho.

Pendekatan antara disiplin, dan bukannya bekerja secara berasing-an diperlukan untuk menangani perubahan demografi yang ditetapkan terhadap cabaran global yang kompleks, kata Encik Ho.